



TAKAFUL MULIA
(Ini adalah produk takaful)

**Perancangan
kewangan yang
merentasi jangka
kehidupan kini**

MELANGKAH KE HADAPAN BERSAMA



CIMB ISLAMIC

Memacu ketenangan dalam beribadat sepanjang hidup anda.

Daripada Abu Abdul Rahman Abdullah ibn 'Umar ibn al-Khatthab (r.a.) beliau berkata:

Aku telah mendengar Nabi Muhammad SAW bersabda, "Islam itu dibina atas lima [rukun]: bersaksi sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan sembahyang (solat), membayar zakat, menunaikan haji ke Baitullah dan berpuasa pada bulan Ramadan.

(Hadith Sahih Bukhari dan Muslim)

Pembangunan rohani merupakan satu perkara penting dalam perjalanan kehidupan anda sebagai bekalan di akhirat kelak. Pencarian harta untuk keperluan kewangan bagi keluarga dan orang tersayang juga merupakan perkara yang sangat dituntut. Perancangan dan keseimbangan dari aspek kewangan dan kerohanian adalah sama penting untuk mengecapi ketenangan di dunia dan di akhirat.

Kami memahami keperluan anda dalam memenuhi kedua-dua matlamat kewangan dan kerohanian. Izinkan kami membantu anda untuk menggapai aspirasi anda dengan Takaful Mulia, satu pelan takaful universal sumbangan berkala dengan perkongsian lebihan.

Mengapa Takaful Mulia?

Pelan ini menyediakan manfaat-manfaat berikut:



Manfaat Kematian/Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)¹

- 100% daripada jumlah yang dilindungi dan nilai akaun universal (UA) ditolak dengan 2.5% daripada nilai UA sebagai bayaran zakat (jika berkenaan), selepas menolak sebarang keter hutangan akan dibayar apabila orang yang dilindungi mengalami kematian/TPD.



Indemniti Berganda untuk Kematian/Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)¹ akibat kemalangan

- Tambahan 100% daripada jumlah yang dilindungi akan dibayar jika kematian/TPD orang yang dilindungi akibat kemalangan berlaku di **Masjid/Surau yang didaftar dengan tujuan untuk bersolat atau semasa menunaikan Haji/Umrah**.

¹ Perlindungan TPD dan kematian/TPD akibat kemalangan akan tamat pada ulang tahun bulanan kontrak sejurus selepas hari lahir ke-65 orang yang dilindungi.



Manfaat Wakaf

- **Manfaat wakaf - sepanjang hayat orang yang dilindungi**

3% daripada sumbangan akan dibayar kepada Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)² sebagai wakaf bagi orang yang dilindungi sepanjang hayat orang yang dilindungi. Sumbangan ini tidak akan dikembalikan kepada anda dalam sebarang keadaan.

- **Manfaat wakaf - untuk kematian/TPD ke atas orang yang dilindungi**

Tambahan 10% daripada jumlah yang dilindungi sebagai tambahan manfaat kematian/TPD akan dibayar kepada YWM dan/atau Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)² sebagai wakaf bagi orang yang dilindungi.



Manfaat Zakat

- 2.5% daripada nilai UA akan dibayar kepada pihak zakat³ bagi orang yang dilindungi, jika nilai UA melebihi atau sama dengan Nisab⁴. Manfaat ini hanya terpakai apabila berlaku kematian/TPD ke atas orang yang dilindungi, serahan kontrak ini atau pada masa manfaat terakhir dibayar.



Manfaat Fidyah/Sedekah

- Sekiranya berlaku kematian orang yang dilindungi, amaun sebanyak RM1,000 akan dibayar kepada pihak zakat secara sekaligus sebagai fidyah bagi orang yang dilindungi. Penuntut dikehendaki untuk mengisyitarkan anggaran bilangan hari orang yang dilindungi tidak dapat berpuasa mana-mana hari atau sebarang tempoh masa sepanjang bulan puasa. Kami akan membayar jumlah fidyah sebenar berdasarkan borang pengisyitaran dan jumlah baki daripada manfaat ini (jika ada) akan dibayar sebagai derma am (sedekah) kepada pihak zakat.



Manfaat Haji/Umrah⁵

- Amaun sebanyak RM2,000 akan dibayar daripada UA secara sekaligus apabila orang yang dilindungi menunaikan Haji/Umrah, tertakluk kepada kontrak ini terus berkuatkuasa untuk 3 tahun kontrak pertama. Manfaat ini akan dibayar sekali bagi setiap polisi orang yang dilindungi dan hanya satu tuntutan yang dibenarkan bagi perjalanan Haji/Umrah yang sama.

² Pihak wakaf adalah tertakluk kepada perubahan jika terdapat pihak wakaf lain yang akan dilantik pada masa depan.

³ Pihak zakat merujuk kepada Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau pihak zakat lain yang akan dilantik pada masa depan.

⁴ Nisab merujuk kepada amaun minimum yang digunakan untuk menentukan kewajiban untuk membayar zakat.

⁵ Dengan syarat kontrak tersebut telah berkuatkuasa untuk 3 tahun kontrak pertama.



Manfaat Terakhir

- Nikmati pulangan daripada UA anda setelah ditolak dengan 2.5% daripada nilai UA sebagai bayaran zakat (jika berkenaan), yang akan dibayar pada akhir tempoh kontrak.

Bagaimanakah Takaful Mulia berfungsi

Akif, berumur 30 tahun, menyimpan RM200⁶ setiap bulan dalam Takaful Mulia.

Manfaat-manfaat yang akan dibayar sepanjang hayat Akif

| | |
|---|---|
| Manfaat wakaf (3% daripada jumlah sumbangan) | RM6 setiap bulan (dibayar kepada pihak wakaf) |
| Manfaat Haji/Umrah | RM2,000 (dibayar kepada Akif) |

Manfaat-manfaat yang akan dibayar sekiranya Akif mengalami kematian/TPD pada umur 50

| | Manfaat kematian/TPD atau | Manfaat kematian/TPD akibat kemalangan (berlaku di Masjid/Surau dengan tujuan untuk bersolat atau menuaikan Haji/Umrah) |
|---|--|--|
| 100% daripada jumlah yang dilindungi (SC) | RM151,200 | RM151,200 |
| | + | + |
| Tambahan 100% daripada SC | RM0 | RM151,200 |
| | + | + |
| Akaun universal (UA) (ditolak dengan 2.5% daripada UA sebagai zakat) | RM59,553 (senario pulangan tinggi ⁷) RM44,987 (senario pulangan rendah ⁷) | RM59,553 (senario pulangan tinggi ⁷) RM44,987 (senario pulangan rendah ⁷) |
| | = | = |
| Jumlah pembayaran manfaat | RM210,753 (senario pulangan tinggi ⁷) RM196,187 (senario pulangan rendah ⁷) | RM361,953 (senario pulangan tinggi ⁷) RM347,387 (senario pulangan rendah ⁷) |

Manfaat lain yang akan dibayar bagi pihak Akif

| | |
|--|--|
| Manfaat wakaf (sekiranya berlaku kematian/TPD) | RM15,120 (dibayar kepada pihak wakaf) |
| Manfaat fidyah/sedekah (sekiranya berlaku kematian) | RM1,000 (dibayar kepada pihak zakat) |
| Manfaat zakat (sekiranya berlaku kematian/TPD) | RM1,527 (senario pulangan tinggi ⁷) RM1,153 (senario pulangan rendah ⁷) (dibayar kepada pihak zakat) |

Manfaat terakhir akan dibayar apabila Akif berumur 80

| | |
|-------------------------|--|
| Manfaat terakhir | Nilai UA selepas ditolakkan dengan 2.5% daripada nilai UA sebagai bayaran zakat (jika berkenaan) akan dibayar. |
|-------------------------|--|

Andaikan Akif adalah pemegang kontrak dan orang yang dilindungi serta nilai UA adalah lebih tinggi daripada Nisab sekiranya Akif mengalami kematian/TPD pada umur 50.

Ciri-ciri Takaful Mulia

Akaun universal (UA)

- Sumbangan takaful dan penambahan (jika ada), setelah ditolakkan dengan yuran wakalah akan diperuntukkan dalam UA. Jumlah tabarru' bulanan akan ditolak daripada nilai UA.
- Keuntungan atau kerugian pelaburan (jika ada) akan ditentukan dan diagihkan setiap tahun, selepas setiap akhir tahun kewangan. Sebarang keuntungan pelaburan yang diperolehi daripada UA akan diagih berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan sebanyak 80% kepada pemegang kontrak dan 20% kepada Sun Life Malaysia. Sebarang kerugian pelaburan dalam UA akan ditanggung oleh pemegang kontrak melalui pendebitan daripada UA.
- Pulangan sebenar UA akan berubah-ubah (misalnya, naik dan/atau turun) setiap tahun berdasarkan prestasi aset-aset UA yang dilaburkan. Oleh itu, mekanisme Rizab Penyamaan Keuntungan (RPK) akan digunakan untuk mengurangkan naik turun pulangan pelaburan yang tidak diingini. Sila rujuk kepada Nota-nota Penting untuk maklumat yang terperinci.

⁶ Sumbangan termasuk sumbangan takaful dan sumbangan wakaf.

⁷ Dalam contoh ini, untuk senario pulangan tinggi, kontrak ini dianggap untuk memperolehi pulangan pelaburan bersih pada 5.45% setahun bagi 20 tahun yang pertama dan 3.83% setahun bagi tahun ke-21 dan seterusnya. Untuk senario pulangan rendah, ia dianggap untuk memperolehi pulangan pelaburan bersih pada 2.65% setahun sepanjang tempoh kontrak.

Kelayakan (berdasarkan umur pada hari lahir terakhir)

| | Orang yang dilindungi |
|-------------------------|-----------------------|
| Umur kemasukan minimum | 18 tahun |
| Umur kemasukan maksimum | 60 tahun |

Bagi pemegang kontrak, umur kemasukan minimum adalah 18 tahun.

Tempoh kontrak

Tempoh kontrak adalah 80 tahun ditolak dengan umur kemasukan bagi orang yang dilindungi.

Tempoh dan bayaran sumbangan

Anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih jenis pelan yang paling sesuai dengan keperluan kewangan anda. Sumbangan perlu dibayar sepanjang tempoh kontrak sama ada secara bulanan, suku tahun, setengah tahun atau tahunan dengan menggunakan kad kredit/debit atau debit terus.

Contoh sumbangan takaful bulanan dan wakaf adalah seperti berikut:

| Jenis pelan | Sumbangan takaful (RM) | Sumbangan wakaf (RM) | Jumlah sumbangan bulanan (RM) |
|-------------|------------------------|----------------------|-------------------------------|
| Pelan 200 | 194 | 6 | 200 |
| Pelan 300 | 291 | 9 | 300 |
| Pelan 500 | 485 | 15 | 500 |
| Pelan 1000 | 970 | 30 | 1,000 |

Jumlah yang dilindungi

Jumlah yang dilindungi adalah berdasarkan umur kemasukan orang yang dilindungi dan pelan yang dipilih.

| Umur kemasukan | Jumlah yang dilindungi (RM) | | | |
|----------------|-----------------------------|-----------|-----------|------------|
| | Pelan 200 | Pelan 300 | Pelan 500 | Pelan 1000 |
| 18-20 | 168,000 | 252,000 | 420,000 | 840,000 |
| 21-25 | 158,400 | 237,600 | 396,000 | 792,000 |
| 26-30 | 151,200 | 226,800 | 378,000 | 756,000 |
| 31-35 | 136,800 | 205,200 | 342,000 | 684,000 |
| 36-40 | 124,800 | 187,200 | 312,000 | 624,000 |
| 41-45 | 112,800 | 169,200 | 282,000 | 564,000 |
| 46-50 | 100,800 | 151,200 | 252,000 | 504,000 |
| 51-55 | 84,000 | 126,000 | 210,000 | 420,000 |
| 56-60 | 67,200 | 100,800 | 168,000 | 336,000 |

Sumbangan penambahan⁸

Untuk mengembangkan simpanan anda, anda mempunyai fleksibiliti untuk menambahkan sumbangan.

| | Sumbangan penambahan berjadual | Sumbangan penambahan tunggal |
|----------|--------------------------------|--|
| Minimum | RM50 setiap bulan | RM500 setiap transaksi |
| Maksimum | Tiada limit | RM500,000 setiap orang yang dilindungi |

Yuran-yuran dan caj-caj⁹

Tabarru'

Tabarru' (sumbangan sukarela) untuk manfaat takaful akan ditolak daripada akaun universal¹⁰ pada setiap ulangtahn bulanan kontrak.

Yuran wakalah

Yuran wakalah akan ditolak daripada sumbangan dan akan digunakan untuk komisen dan perbelanjaan pengurusan.

| Tahun kontrak | Yuran wakalah untuk sumbangan takaful | Yuran wakalah untuk sumbangan penambahan |
|-------------------|---------------------------------------|--|
| 1 | 65% | 5% |
| 2 | 40% | 5% |
| 3 | 30% | 5% |
| 4 | 25% | 5% |
| 5 | 25% | 5% |
| 6 | 20% | 5% |
| 7 | 20% | 5% |
| 8 | 15% | 5% |
| 9 | 10% | 5% |
| 10 | 10% | 5% |
| 11 | 10% | 5% |
| 12 | 10% | 5% |
| 13 dan berikutnya | 6% | 5% |

⁸ Sumbangan penambahan tidak tertakluk kepada sumbangan wakaf. Sumbangan penambahan berjadual/Sumbangan penambahan tunggal mesti ditambah dalam gandaan RM10 dan maksimum adalah tertakluk kepada budi bicara Sun Life Malaysia.

⁹ Semua yuran dan caj adalah tidak terjamin. Sekiranya terdapat sebarang perubahan atas yuran dan caj, Sun Life Malaysia akan maklumkan anda dengan memberi anda notis sekurang-kurangnya 90 hari daripada tarikh berkuatkuasa.

¹⁰ Jika nilai akaun universal tidak mencukupi untuk menampung tabarru', kontrak ini akan tamat/luput, melainkan pemegang kontrak menambah nilai akaun universal dengan sumbangan penambahan.

Yuran pengeluaran separa

3 pengeluaran separa percuma dibenarkan sepanjang tempoh kontrak, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Sun Life Malaysia. Pengeluaran seterusnya akan tertakluk kepada yuran sebanyak RM50 untuk setiap pengeluaran separa. Sebarang pengeluaran separa tidak akan tertakluk kepada manfaat zakat.

Yuran serahan

Yuran serahan adalah sebanyak RM50 atau nilai UA, yang mana lebih rendah.

Perkongsian lebihan

Tabarru' yang dikutip akan diperuntukkan dalam Dana Tabarru' Peserta (PTF). Ia akan digunakan untuk perlindungan takaful dan bantuan kewangan bersama kepada peserta yang lain sekiranya berlaku musibah. Pada setiap akhir tahun kewangan, sebarang lebihan yang diumumkan daripada PTF selepas pembayaran balik Qard (pinjaman tanpa faedah) yang disediakan oleh Sun Life Malaysia sekiranya berlaku defisit dalam PTF (jika ada) akan diagihkan pada 50% kepada Sun Life Malaysia dan 50% kepada peserta yang layak dalam UA mereka.

Komisen

(1) Komisen bagi pelan ini adalah seperti berikut:

Berikut adalah contoh komisen (atas peratusan sumbangan takaful) berdasarkan Pelan 200 dengan sumbangan takaful RM2,328 setiap tahun:

| Tahun sumbangan | Kadar komisen (% sumbangan takaful) | Komisen (RM) |
|--------------------------|-------------------------------------|--------------|
| 1 | 25 | 582.00 |
| 2 | 15 | 349.20 |
| 3 | 15 | 349.20 |
| 4 | 5 | 116.40 |
| 5 | 5 | 116.40 |
| 6 | 5 | 116.40 |
| 7 | 5 | 116.40 |
| 8 | 5 | 116.40 |
| 9 | 5 | 116.40 |
| 10 | 5 | 116.40 |
| 11 dan berikutnya | - | - |

- (2) Untuk sumbangan penambahan berjadual/tunggal, 3.75% komisen akan dibayar.
- (3) Komisen untuk pelan ini adalah ditanggung oleh pemegang kontrak dan dibayar daripada sumbangan takaful kepada CIMB Islamic Bank atau CIMB Bank, dengan syarat CIMB Islamic Bank atau CIMB Bank memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh Sun Life Malaysia.

Pengecualian-pengecualian

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada dokumen-dokumen kontrak untuk senarai lengkap mengenai pengecualian-pengecualian.

Manfaat kematian

Manfaat kematian tidak akan dibayar jika orang yang dilindungi membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras) atau meninggal dunia akibat daripada keadaan sedia ada dalam masa 12 bulan dari tarikh kontrak dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian. Dalam keadaan ini, kontrak ini akan ditamatkan dan nilai UA, ditolak dengan 2.5% daripada nilai UA sebagai bayaran zakat (jika berkenaan), pada tarikh kematian, akan dibayar.

Manfaat TPD

Manfaat TPD tidak akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi mengalami TPD adalah disebabkan oleh:

- a) Keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan pertama daripada tarikh kontrak dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana lebih terkemudian;
- b) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), komplikasi yang berkaitan dengan AIDS, atau orang yang dilindungi dijangkiti Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV);
- c) Berada di bawah pengaruh dadah, sebarang narkotik atau disebabkan oleh minuman keras dan/atau bahan yang memabukkan;
- d) Perbuatan jenayah, terlibat dalam perlanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak tidak bersalah) atau menjadi ahli organisasi haram;
- e) Memasuki, mengendali atau menyelenggara, naik atau turun dari atau dengan menggunakan apa-apa peranti atau pengangkutan udara melainkan ketika orang yang dilindungi itu berada dalam sebuah pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersial yang dalam perjalanan tetap berjadual membawa penumpang menggunakan laluan penumpangnya yang telah ditetapkan;

- f) Penyertaan dalam sebarang sukan atau hobi atau aktiviti yang berbahaya, termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti udara, terjunan lelabah, memanjat batu atau mendaki gunung, aktiviti dalam air, atau sebarang bentuk perlumbaan kecuali perlumbaan kaki;
- g) Kecederaan ke atas diri sendiri atau bunuh diri, semasa waras atau tidak waras; atau
- h) Peperangan, serangan, tindakan permusuhan asing, pertempuran atau operasi semacam peperangan (sama ada diisyiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, perang persaudaraan, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kekacauan awam yang mengandaikan pembahagian atau membawa kepada kebangkitan, ketenteraan atau rampasan kuasa.

Manfaat kematian akibat kemalangan (berlaku di Masjid/Surau dengan tujuan untuk bersolat atau semasa menunaikan Haji/Umrah)

Tiada manfaat tambahan kematian akibat kemalangan akan dibayar jika kematian akibat kemalangan berlaku disebabkan secara langsung atau tidak langsung, seluruhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian berikut:

- a) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), komplikasi yang berkaitan dengan AIDS, atau orang yang dilindungi dijangkiti Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV);
- b) Berkhidmat secara aktif dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, pasukan ketenteraan, perkhidmatan berkaitan kebakaran, pertahanan awam, polis atau organisasi penguatkuasaan undang-undang;
- c) Kecederaan ke atas diri sendiri atau bunuh diri, semasa waras atau tidak waras;
- d) Berada di bawah pengaruh dadah, sebarang narkotik atau disebabkan oleh minuman keras dan/atau bahan yang memabukkan;
- e) Ketidakupayaan badan, atau gangguan mental atau fungsi, atau kesakitan atau penyakit apa-apa jenis, atau sebarang jangkitan selain daripada jangkitan yang berlaku serentak dan akibat luka atau kecederaan akibat kemalangan;
- f) Bersalin, kehamilan dan komplikasi yang berkaitan dengannya;
- g) Perbuatan jenayah, terlibat dalam perlanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak tidak bersalah) atau menjadi ahli organisasi haram;

- h) Memasuki, mengendali atau menyelenggara, naik atau turun dari atau dengan menggunakan apa-apa peranti atau pengangkutan udara melainkan ketika orang yang dilindungi itu berada dalam sesbuah pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersil yang dalam perjalanan tetap berjadual membawa penumpang menggunakan laluan penumpangnya yang telah ditetapkan;
- i) Penyertaan dalam sebarang sukan atau hobi atau aktiviti yang berbahaya, termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti udara, terjunan lelabah, memanjat batu atau mendaki gunung, aktiviti dalam air, atau sebarang bentuk perlumbaan kecuali perlumbaan kaki;
- j) Kecacatan atau ketidakupayaan mental atau fizikal yang sedia ada;
- k) Peperangan, serangan, tindakan permusuhan asing, pertempuran atau operasi semacam peperangan (sama ada diisyiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, perang persaudaraan, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kekacauan awam yang mengandaikan pembahagian atau membawa kepada kebangkitan, ketenteraan atau rampasan kuasa;
- l) Semasa terlibat dalam aktiviti sukan profesional dalam apa jua bentuk; atau
- m) Pendedahan kepada risiko atau bahaya yang tidak perlu disebabkan oleh kecuaian atau secara sengaja.

Manfaat TPD akibat kemalangan (berlaku di Masjid/Surau dengan tujuan untuk bersolat atau semasa menunaikan Haji/Umrah)

Tiada manfaat tambahan bagi TPD akibat kemalangan akan dibayar jika TPD akibat kemalangan berlaku disebabkan secara langsung atau tidak langsung, seluruhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian berikut:

- a) Berkhidmat secara aktif dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, pasukan ketenteraan, perkhidmatan berkaitan kebakaran, pertahanan awam, polis atau organisasi penguatkuasaan undang-undang;
- b) Ketidakupayaan badan, atau gangguan mental atau fungsi, atau kesakitan atau penyakit apa-apa jenis, atau sebarang jangkitan selain daripada jangkitan yang berlaku serentak dan akibat luka atau kecederaan akibat kemalangan;
- c) Bersalin, kehamilan dan komplikasi yang berkaitan dengannya;

- d) Penyertaan dalam sebarang sukan atau hobi atau aktiviti yang berbahaya, termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti udara, terjunan terjunan lelabah, memanjat batu atau mendaki gunung, aktiviti dalam air, atau sebarang bentuk perlumbaan kecuali perlumbaan kaki;
- e) Kecacatan atau ketidakupayaan mental atau fizikal yang sedia ada;
- f) Semasa terlibat dalam aktiviti sukan profesional dalam apa jua bentuk; atau
- g) Pendedahan kepada risiko atau bahaya yang tidak perlu disebabkan oleh kecuaian atau secara sengaja.

Pengecualian tambahan (hanya berkenaan untuk manfaat kematian/TPD akibat kemalangan yang berlaku di Masjid/Surau dengan tujuan untuk bersolat)

- a) Sekiranya kematian/TPD akibat kemalangan berlaku semasa orang yang dilindungi bersolat di Masjid/Surau yang tidak didaftarkan secara sah dan diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.

Pengecualian-pengecualian tambahan (hanya berkenaan untuk manfaat kematian/TPD akibat kemalangan yang berlaku semasa menunaikan Haji/Umrah)

- a) Jika kematian/TPD akibat kemalangan berlaku sebelum orang yang dilindungi memasuki sempadan antarabangsa semasa dalam perjalanan ke Arab Saudi atau selepas orang yang dilindungi memasuki sempadan antarabangsa destinasi selepas meninggalkan Arab Saudi;
- b) Jika kematian/TPD akibat kemalangan berlaku semasa orang yang dilindungi menunaikan ziarah atau perjalanan ke luar Arab Saudi semasa Haji/Umrah; atau
- c) Jika berlakunya kematian/TPD akibat kemalangan yang berlaku bukan dalam tempoh perlindungan 45 hari untuk Haji dan 15 hari untuk Umrah, atau tempoh perjalanan sebenar, yang mana lebih pendek.

Nota-nota Penting

- 1) Ini adalah risalah produk dan bukan dokumen kontrak. Sila rujuk kepada Ilustrasi Pelan dan Dokumen Keterangan Produk untuk maklumat lanjut mengenai pelan ini dan juga dokumen-dokumen kontrak untuk terma-terma dan syarat-syarat lengkap di bawah pelan ini. Maklumat yang terkandung di dalam risalah ini boleh diubah tanpa memberi sebarang notis.

- 2) Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan memastikan bahawa sumbangan yang perlu dibayar di bawah pelan ini adalah amaun yang anda mampu bayar.
- 3) Anda boleh membatalkan kontrak anda dalam tempoh 15 hari selepas ia dihantar dan amaun bayaran balik yang anda terima adalah sumbangan takaful yang telah anda bayar ditolak sebarang perbelanjaan yang ditanggung untuk sebarang pengunderaitan perubatan yang diperlukan. Sumbangan wakaf yang dikutip akan dibayar kepada YWM atau pihak wakaf lain yang akan dilantik pada masa depan dan tidak akan dikembalikan kepada anda dalam sebarang keadaan.
- 4) Anda diberikan tempoh tenggang selama 30 hari dari tarikh akhir pembayaran sumbangan yang berikut. Jika anda tidak membayar sumbangan dalam tempoh tenggang selama 30 hari daripada tarikh sumbangan patut dibayar dan sekiranya kontrak ini mempunyai nilai akaun universal yang mencukupi, kontrak anda akan terus berkuatkuasa di bawah keistimewaan tidak lucut. Perlindungan akan kekal berkuatkuasa sehingga nilai akaun universal anda tidak mencukupi untuk membayar sumbangan yang tertunggak. Kontrak anda akan luput selepasnya.
- 5) Sekiranya anda membatalkan kontrak anda pada tahun-tahun awal, anda mungkin mendapat kembali amaun yang kurang daripada jumlah yang telah anda bayar.
- 6) Kontrak ini boleh diserahkan untuk mendapat nilai tunai daripada akaun universal selepas potongan 2.5% daripada nilai akaun universal sebagai bayaran zakat (jika berkenaan) serta yuran serahan, menolak sebarang keberhutungan. Serahan tunai, jika ada, adalah tidak terjamin dan mungkin kurang daripada sumbangan yang telah anda bayar.
- 7) Rizab Penyamaan Keuntungan (PER) membantu untuk mengurangkan kebolehubahan pulangan pelaburan dengan mengagihkan keuntungan dan kerugian dalam tempoh beberapa tahun. Dengan menggunakan PER, sebahagian daripada keuntungan pelaburan akan diperuntukkan ketika tempoh pulangan tinggi untuk mengimbangi kerugian ketika tempoh pulangan rendah, supaya pulangan keseluruhan adalah lebih stabil dari semasa ke semasa. Pada bila-bila masa, pemilikan PER adalah tertakluk kepada nisbah perkongsian keuntungan. Penentuan PER adalah mengikut budi bicara Sun Life Malaysia. Semasa penamatan kontrak, hak pemegang kontrak atas sebarang keuntungan pelaburan yang tidak dibayar akan diketepikan.

- 8) Yuran wakalah dan/atau tabarru' adalah tidak terjamin dan mungkin disemak oleh kami dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari kepada anda. Semakan tersebut akan berkuatkuasa pada ulangtahun kontrak yang seterusnya selepas tamat tempoh notis tersebut.
- 9) Amaun sumbangan takaful, zakat dan wakaf yang dibayar layak mendapat pelepasan cukai pendapatan, tertakluk kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Penyata atau resit bagi caruman zakat dan wakaf yang dibayar akan dikeluarkan oleh pihak zakat dan pihak wakaf yang terpilih. Sila rujuk kepada Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau melayari <http://www.zakat.com.my/> untuk maklumat lanjut yang berkenaan dengan pihak zakat; Perbadanan Wakaf Selangor atau Yayasan Waqaf Malaysia atau melayari <http://www.wakafselangor.gov.my/> atau <https://www.ywm.gov.my/> masing-masing untuk maklumat lanjut yang berkenaan dengan pihak wakaf.
- 10) Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barang dan perkhidmatan, dan/atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kepenggunaan, sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh kontrak akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, Sun Life Malaysia Takaful Berhad (Sun Life Malaysia) akan memindah terma-terma kontrak untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.
- 11) Anda hendaklah memastikan bahawa maklumat penting mengenai pelan ini telah dimaklumkan kepada anda dan anda memahami maklumat tersebut. Sekiranya terdapat keraguan, anda hendaklah mendapatkan penjelasan daripada wakil kami yang dibenarkan.
- 12) Pelan ini diuruskan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad [Nombor Pendaftaran: 200501012215(689263-M)], pengendali takaful yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
- 13) Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/kontrak yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Sun Life Malaysia Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).
- 14) Pelan ini diedarkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad 200401032872 dan CIMB Bank Berhad 197201001799. CIMB Islamic Bank Berhad dan CIMB Bank Berhad berpejabat di Aras 17 Menara CIMB, No 1 Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Untuk maklumat lanjut, layari www.cimb.com.my, hubungi **+603 6204 7788** atau kunjungi mana-mana cawangan CIMB Islamic yang terletak setempat dengan cawangan CIMB Bank di seluruh negara.

Berhubunglah dengan kami di:

 CIMB Malaysia  CIMB_Assists

Diuruskan oleh



Sun Life Malaysia Takaful Berhad
Nombor Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)
Ahli PIDM

Aras 11, 338 Jalan Tuanku Abdul Rahman
50100 Kuala Lumpur, Malaysia
Telefon (603) 2612 3600 wecare@sunlifemalaysia.com
Talian Khidmat Pelanggan Careline 1300-88-5055
sunlifemalaysia.com

Usahasama di antara Sun Life Assurance Company of Canada dan Renggis Ventures Sdn Bhd

Achieving complete religious peace of mind throughout your life.

From Abu Abdul Rahman Abdullah ibn 'Umar ibn al-Khatthab (ra), who said:

I heard the Prophet Muhammad (pbuh.) say, "Islam has been built on five [pillars]: testifying that there is no deity worthy of worship except Allah and that Muhammad is the Messenger of Allah, establishing the salah (solat), paying the zakat (obligatory charity), making the hajj (pilgrimage) to the Baitullah and fasting in Ramadan.

(Hadith Sahih Bukhari and Muslim)

